

Musevani dakwa Negara G8 berkonspirasi perkaya diri

UM 20 AUG 2001

KAMPALA (Uganda) 19 Ogos — Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni berkata, negara-negara maju seperti Kumpulan Lapan (G8) hanya bertemu setiap tahun untuk “berkonspirasi bagaimana boleh mengawal dunia” dengan dasar-dasar yang hanya mahu memperkayakan diri sendiri menggunakan Dunia Ketiga.

Akibat dasar-dasar itu, “Kita (negara Selatan-Selatan) bertemu setiap tahun seperti ini bukan untuk mengawal dunia, tetapi mencari jalan untuk terus hidup di dunia ini,” kata beliau ketika berucap merasmikan Global 2001 (SAID/LID) di Speke Resort, Munyonyo kira-kira 17 kilometer dari sini, malam tadi.

Justeru, kata beliau, amalan konsep perkongsian bestari amat penting dalam menentukan hala tuju pembangunan sesebuah negara dengan memfokus kepada pendekatan “menang-menang”.

Dialog-dialog perkongsian bestari yang telah diadakan sejak enam tahun merupakan pertemuan tahunan membantu negara-negara sedang membangun mencari jalan memakmurkan pembangunan ekonomi.

Global 2001 merangkumi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID). LID tahun ini tidak diadakan.

Tema Global 2001 ialah Mempertingkatkan Iklim Untuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) Melalui Perkongsian Bestari. Dialog Global 2001 (SAID/LID) yang akan berlangsung selama empat hari.

Ini merupakan kali pertama dialog perkongsian bestari berlangsung di luar kawasan tradisi iaitu Langkawi, Malaysia dan selatan Afrika.

Pada majlis itu, beliau turut memperkenalkan ketua-ketua kerajaan dan negara yang menghadiri dialog berkenaan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam ucapannya, Museveni yang memimpin Uganda sejak 1986 memberitahu, beliau telah banyak mempelajari daripada pengalaman Malaysia khususnya dari segi keperluan kerjasama erat sektor swasta dalam pembangunan negara.

“Oleh itu sejak 1986, saya menekankan bahawa sektor swasta perlu memimpin pembangunan ekonomi,” kata beliau yang mengaitkannya dengan FDI.

Museveni yang turut mengimbas kembali Peristiwa 13 Mei dalam ucapannya berkata, beliau tertarik dengan pendekatan Malaysia menangani masalah sosial dan mengeratkan hubungan pelbagai kaum di bawah konsep “menang-menang”.

“Saya ketika itu masih menuntut di universiti, dan dapat mengikuti laporan kejadian (insiden 13 Mei) menerusi akhbar dan saya tertarik dengan kepimpinan Malaysia yang menekankan slogan semua untuk semua orang daripada amalan semua untuk satu pihak.

“Saya percaya pada konsep perkongsian bestari,” kata beliau yang turut membandingkan kejayaan Malaysia menjalin kerjasama dengan sektor swasta dalam membangunkan negara.

— Utusan.